



SIARAN MEDIA

JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

MESYUARAT KUMPULAN KERJA ASEAN PERANGKAAAN PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA KALI KE ENAM

***28 – 29 Ogos 2019
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam***

1. Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Kementerian Kewangan dan Ekonomi menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Ke Enam Kumpulan Kerja ASEAN Perangkaan Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa yang diadakan bermula 28 hingga 29 Ogos 2019 di Bandar Seri Begawan.
2. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Tuan Redentor Alegre, Pengarah Perangkaan Ekonomi dari Bank Negara Republik Filipina; dan dihadiri oleh pegawai-pegawai Jabatan Perangkaan dan Bank Negara dari negara-negara ahli ASEAN, serta pegawai-pegawai dari ASEAN Sekretariat.

3. Semasa pembukaan mesyuarat, Dayang Hajah Mariah binti Haji Yahya, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menyampaikan kata alu-aluan. Beliau telah menekankan mengenai kepentingan sektor perkhidmatan dalam memacu pertumbuhan ekonomi di mana sumbangan perdagangan perkhidmatan dalam Keluaran Dalam Negari Kasar (KDNK) ASEAN terus meningkat untuk mendokong pertumbuhan perdagangan barangan dan pelaburan. Oleh itu, penyediaan perangkaan perkhidmatan yang berkualiti, komprehensif dan sebanding adalah mustahak sebagai input kepada penyediaan dasar berasaskan bukti dalam memantau aliran perkhidmatan di kalangan Komuniti Ekonomi ASEAN, dan juga di antara ASEAN dan komuniti global.



Dayang Hajah Mariah binti Haji Yahya, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, bergambar ramai bersama delegasi ASEAN.

4. Kumpulan Kerja Perangkaan Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa ditubuhkan di bawah Sistem Perangkaan Komuniti ASEAN (*ASEAN Community Statistical System*) yang bertujuan untuk mempromosikan pembangunan dan harmonisasi Perangkaan Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa (*Statistics of International Trade in Services, SITS*) di kalangan negara-negara ahli ASEAN. Mesyuarat ke-6 WGSITS akan membincangkan antarlainnya mengenai rebiu dan pemantauan pelan kerja WGSITS 2016-2025; isu-isu di dalam sistem pengumpulan, penyusunan dan penyebaran SITS; dan saranan mengenai langkah-langkah bersesuaian ke arah pengumpulan yang lebih kerap dan penyebaran data SITS yang bertepatan masa dan sebanding.

- TAMAT -



MEDIA RELEASE

DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

THE SIXTH MEETING OF THE ASEAN WORKING GROUP ON STATISTICS OF INTERNATIONAL TRADE IN SERVICES (WGSITS)

**28 – 29 August 2019
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam**

1. The Department of Economic Planning and Development (JPKE), Ministry of Finance and Economy is currently hosting the Sixth Meeting of the ASEAN Working Group on Statistics of International Trade in Services (WGSITS) from 28 to 29 August 2019 in Bandar Seri Begawan.
2. The meeting is chaired by Mr Redentor Alegre, Director of Economic Statistics of the Central Bank of the Philippines; and attended by officials from the National Statistics Offices and Central Banks of the ASEAN member states, as well as officials from the ASEAN Secretariat.
3. During the opening of the meeting, Ms Hajah Mariah binti Haji Yahya, Acting Deputy Director General of the Department of Economic Planning and Development, Ministry of Finance and Economy delivered her welcoming remarks. She highlighted the importance of the services sector in driving economic growth, where the share of trade in services in the ASEAN Gross

Domestic Product (GDP) is continually increasing to support trade in goods and investments growth. Hence the development of reliable, comprehensive and comparable services statistics becomes crucial as important inputs to the evidence-based policy making in monitoring the flow of services within the ASEAN Economic Community as well as between ASEAN and the global economy.



Hajah Mariah Haji Yahya, Acting Deputy Director General of the Department of Economic Planning and Development, Ministry of Finance and Economy, in a group photo with the ASEAN delegations.

4. The Working Group on Statistics of International Trade in Services (WGSITS) is established under the purview of the ASEAN Community Statistical System with the aim to promote the development and harmonization of Statistics of International Trade in Services (SITS) among the ASEAN member states. The 6th WGSITS meeting will discuss, among others, the review and monitoring the WGSITS work plan for 2016-2025; issues in the current system of collecting,

compiling and disseminating SITS; and recommend appropriate measures towards more regular collection and dissemination of timely and comparable SITS.

- **END** -